

03/09/2001

Rancangan timbulkan huru-hara didedahkan

KUALA LUMPUR, Ahad - Seorang bekas pejuang Mujahidin di Syria, mengakui ada rancangan menimbulkan huru-hara di negara ini jika Majlis Raja-Raja menolak nama Islam pada sebuah parti.

Lelaki yang enggan mendedahkan identitinya itu, berkata beliau menjadi pejuang mujahidin sekitar tahun 70-an di Syria dan kepakarannya adalah memasang dan mematikan bom.

"Saya kembali ke Malaysia pada tahun 80-an dan menjalankan perniagaan sendiri di Kelantan, bagaimanapun beberapa bulan lalu, saya didatangi individu yang tidak dikenali memujuk untuk membuat bom dan dipasang di beberapa tempat yang dikenal pasti," katanya ketika ditemubual di pejabat TV3 di Kota Bharu, hari ini.

Bagaimanapun katanya, beliau menolak pelawaan individu berkenaan demi keamanan dan kesejahteraan negara.

Beliau berkata, pendedahan itu dilakukannya selepas kerajaan menahan beberapa ahli kumpulan militan termasuk anak Menteri Besar Kelantan Nik Adli Nik Abdul Aziz, baru-baru ini.

"Setelah timbul penahanan kumpulan ini, saya rasa bertanggungjawab mendedahkan perkara ini kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakyat Malaysia.

"Saya sanggup memberi keterangan secara bersumpah jika dipanggil Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri bagi menjelaskan mengenai keterangan itu," katanya.

Beliau juga menolak dakwaan sesetengah pihak bahawa gerakan militan yang didedahkan kerajaan adalah satu sandiwara.

"Ini adalah penjelasan ikhlas daripada saya dan saya bersedia dipanggil oleh sesiapa saja bagi memberikan maklumat lanjut mengenai kegiatan gerakan militan ini," katanya.

(END)